



**PERTANDINGAN BADMINTON BERPASUKAN**

**'MAYOR CUP' SEMPERNA PESTA KUCHING 2019**

**MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN ( MBKS)**

**PERTANDINGAN BADMINTON BERPASUKAN  
'MAYOR CUP' PESTA KUCHING 2019 ANJURAN  
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN (MBKS)**

---

**1. PENGELOLAAN**

Penganjur pertandingan ini adalah **Majlis Bandaraya Kuching Selatan [MBKS] Sempena Pesta Kuching 2019**

**2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang "Badminton World Federation (BWF)" yang terkini dan undang-undang am pihak penganjur.

**3. TARIKH**

Pertandingan akan diadakan pada 19 Ogos hingga 25 Ogos 2019 (Tertakluk pada penyertaan)

**4. TEMPAT**

Pertandingan akan diadakan di **Stadium Tertutup MBKS, Jalan Utama, Bintawa Industrial Estate, Kuching.**

**5. ACARA PERTANDINGAN**

Kategori berpasukan lima acara dan susunan permainan adalah seperti berikut :-

**5.1 Beregu Lelaki Bawah 19 tahun**

**5.2 Beregu Lelaki Pertama**

**5.3 Beregu Lelaki Veteran**

**5.4 Beregu Campuran**

**5.5 Beregu Lelaki Kedua**

**6. FORMAT PERTANDINGAN**

Pertandingan akan dibahagi kepada beberapa kumpulan (mengikut jumlah penyertaan). **Mana-mana pasukan yang menghantar lebih daripada satu pasukan dengan nama pasukan yang sama akan dipisahkan diperingkat kumpulan.** Permainan peringkat kumpulan mesti dimainkan sehingga selesai lima perlawanan mengikut format di para 5 dan tidak boleh diberi kemenangan percuma. Setiap Juara dan Naib Juara kumpulan akan mara ke peringkat kalah mati seterusnya. Peringkat kalah mati akan ditentukan dengan undian oleh pihak penganjur untuk menentukan lawan masing-masing tetapi pasukan yang sama kumpulan tidak akan diundi bersama.

## **7. YURAN**

Yuran penyertaan adalah **RM 100.00** untuk setiap pasukan.

## **8. KELAYAKAN PEMAIN**

8.1 Pertandingan ini adalah terbuka untuk semua pemain-pemain warganegara **Malaysia** yang berasal dari **Negeri Sarawak Sahaja** serta pemain-pemain dari **Luar Negeri Sarawak (Semenanjung/Sabah)** yang tinggal dan bermastautin serta belajar **di Negeri Sarawak** tidak kurang dari tempoh 90 hari dari tarikh tutup penyertaan.

8.2. Kelayakan pemain-pemain mengikut format pertandingan serta susunan adalah seperti di bawah:-

### **8.2.1 Beregu Lelaki Bawah 19 tahun**

Terbuka kepada semua pemain-pemain yang berumur 19 tahun (lahir tahun 2000) kecuali pemain-pemain berumur 16 tahun ke atas yang pernah mewakili Negeri Sarawak mulai tahun 2016 dalam sebarang pertandingan peringkat umur anjuran BAM, MSSM, SUKMA serta pernah menjadi juara dan naib juara dalam sebarang pertandingan anjuran SBA adalah tidak dibenarkan bermain dalam beregu ini.

### **8.2.2. Beregu Lelaki Pertama**

Terbuka kepada semua pemain-pemain **Amatur** yang tidak pernah mewakili Malaysia, Negeri Sarawak (dibawah naungan SBA) serta negeri-negeri lain dalam sebarang pertandingan seperti SUKMA, Sukan Borneo ataupun Juara dan Naib Juara dalam apa juga kejohanan di peringkat senior anjuran BAM atau SBA kecuali sudah berumur melebihi 45 tahun (1974) keatas.

### **8.2.3. Beregu Lelaki Veteran**

Pemain-pemain yang berumur 45 tahun ke atas lahir tahun 1974.

### **8.2.4. Beregu Campuran**

**Lelaki** – Kelayakan sama seperti dipara 8.2.2.

**Wanita** – Terbuka kepada semua pemain-pemain wanita kecuali pemain yang pernah mewakili Malaysia, Negeri Sarawak (dibawah naungan SBA) serta negeri-negeri lain dalam sebarang pertandingan seperti SUKMA, Sukan Borneo ataupun Juara dan Naib Juara dalam apa juga kejohanan di peringkat senior anjuran BAM atau SBA kecuali sudah berumur melebihi 35 tahun (1984) keatas.

### **8.2.5. Beregu Lelaki Kedua**

Terbuka kepada semua pemain-pemain lelaki tanpa syarat.

## 9. **PENDAFTARAN PEMAIN/PASUKAN**

Setiap pasukan yang mengambil bahagian mestilah mendaftar minimum sembilan [9] orang pemain lelaki termasuk pemain veteran dan seorang [1] pemain wanita dan maksimum duabelas [12] orang pemain lelaki termasuk pemain veteran serta dua [2] pemain wanita dan setiap pasukan hanya boleh menghantar maksimum dua [2] pasukan saja dengan nama yang sama. **Semua pasukan mestilah menyertakan salinan kad pengenalan untuk tujuan semakan pihak penganjur.**

## 10. **TARIKH TUTUP/UNDIAN**

**Borang Pendaftaran Pasukan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke "MBKS One Stop Counter" (Counter C) Tingkat Bawah, MBKS, Jalan Padungan, Kuching dan seterusnya membuat bayaran yuran penyertaan disitu juga pada atau sebelum jam 11.00 pagi, 19 Julai 2019 dan undian akan diadakan pada 13 Ogos 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 2, Bahagian Kesihatan Awam, MBKS Jalan Padungan, Kuching.**

## 11. **HADIAH**

Juara	-	Wang Tunai <b>RM 2,000.00</b> Piala Iringan, Medal untuk pemain.
Naib Juara	-	Wang Tunai <b>RM 1000.00</b> Piala Iringan, Medal untuk pemain
Tempat Ketiga Bersama	-	Wang Tunai <b>RM 500.00</b> Medal untuk pemain

## 12. **BULUTANGKIS**

Bulu tangkis jenis **Yang Yang 300B** akan digunakan sepanjang pertandingan dan pihak penganjur akan menyediakan bulu tangkis sepanjang pertandingan.

## 13. **PENGADIL**

Pihak penganjur akan menyediakan pengadil sepanjang pertandingan diadakan kecuali hakim garis setiap pasukan perlu sediakan sehingga peringkat sukuakhir.

## 14. **KELEWATAN**

Masa lima belas [15] minit diberi kepada pasukan yang lewat dan selepas tamat tempoh itu pihak lawan akan diberi kemenangan percuma.

## 15. **BANTAHAN**

Sebarang bantahan terhadap kelayakan penyertaan pemain boleh dibuat sebelum atau selepas [tempoh sejam selepas permainan tamat]. Bantahan hendaklah dikelipkan dengan wang cagaran **RM 200.00** dan juga apa-apa bentuk bahan sokongan dikemukakan semasa bantahan. **Keputusan pihak penganjur terhadap bantahan adalah muktamad.**

**16. KECEDERAAN/LAIN-LAIN**

Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan/kemalangan serta tidak bertanggungjawab keatas perbelanjaan, pengangkutan, penginapan dan makan/minum keatas pasukan/pemain-pemain yang mengambil bahagian sepanjang pertandingan dijalankan.

**17. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan khas ini akan diputuskan oleh Jawatan kuasa Pertandingan dan keputusannya adalah muktamad.

**18. URUSETIA PERTANDINGAN**

Sebarang pertanyaan mengenai peraturan pertandingan boleh merujuk kepada urusetia ditalian 082-354566 atau 0168828266 (En. Kho).

**BORANG PENDAFTARAAN PASUKAN**

**Nama Pasukan** : .....

**Pengurus Pasukan** : .....

**H/P** : .....

<b>S/No</b>	<b>Nama Pemain</b>		<b>No KPT</b>
<b>1.</b>			
<b>2.</b>			
<b>3.</b>			
<b>4.</b>			
<b>5.</b>			
<b>6.</b>			
<b>7.</b>			
<b>8.</b>			
<b>9.</b>			
<b>10.</b>		<b>#</b>	
<b>11.</b>		<b>#</b>	
<b>12.</b>		<b>#</b>	
<b>13.</b>		<b>*</b>	
<b>14.</b>		<b>*</b>	

**# Pemain Veteran.**

**\* Pemain Wanita**

**Tandatangan,**

.....  
**[PENGURUS PASUKAN]**  
.....

**Tarikh :** .....

Disahkan oleh Jawatankuasa Penganjur.

.....  
**[AHLI JAWANKUASA]**

**Tarikh :** .....